

Yu paus adalah spesies haiwan dilindungi mengikut Akta Perikanan 1985

**Tekong boleh dipenjarakan, denda**

**BACHOK** - Kelmarin, seorang tekong sebuah bot nelayan kelihatan begitu bangga setelah berjaya membawa pulang seekor ikan yu paus seberat kira-kira dua tan untuk dipertontonkan kepada orang ramai di sebuah jeti di Tok Bali, Pasir Puteh.

Namun, kegembiraan itu bakal bertukar duka apabila tekong bot berkenaan yang merupakan warga Thailand mungkin berhadapan hukuman denda dan penjara kerana kesalahan memiliki haiwan yang dilindungi.

Malah, Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Junaidi Che Ayub berkata, kes itu kini disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999.

“Mengikut akta ini, tindakan bukan sahaja boleh diambil kepada mereka yang menangkap tetapi juga terhadap mereka yang memilikinya walaupun ikan berkenaan sudah mati.

“Mereka yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, tekong tersebut sepatutnya membuat laporan kepada Jabatan Perikanan dan agensi terlibat selepas menemui ikan tersebut dan bukan membawanya pulang ke jeti.

*Kosmo!* semalam melaporkan sekumpulan nelayan menemui seekor ikan yu paus yang terapung di Kuala Besar, Kota Bharu sebelum membawanya pulang ke Pengkalan Kekal Lestari di Tok Bali, Pasir Puteh.

Difahamkan, ikan spesies purba itu wujud sejak 60 juta tahun lalu tetapi kini jarang ditemui.

Dalam pada itu, Junaidi melahirkan rasa kesal kerana tekong terbabit gagal melaporkan penemuan ikan tersebut lebih awal kerana haiwan itu mungkin dapat diselamatkan.

“Kami sudah banyak kali mengadakan ceramah kesedaran termasuk mengedarkan risalah dan poster mengenai ikan-ikan yang dilindungi kepada nelayan.

“Jadi, alasan tidak tahu, tidak boleh diterima dan kami amat mengharapkan kerjasama nelayan untuk sama-sama melindungi mamalia laut yang hampir pupus seperti ini,” jelasnya.



**KAKITANGAN** Jabatan Perikanan memeriksa sirip ikan yu paus yang dianggarkan bernilai RM10,000 di Bachok semalam. Kiri keratan *Kosmo!* semalam.

Katanya, penemuan ikan yu paus itu membuktikan perairan negara masih mempunyai spesies ikan sedemikian.

Ikan yu paus sepanjang hampir tujuh meter itu dikenali dengan nama saintifik *Rhincodon typus* yang mempunyai jangka hayat sehingga 70 tahun dan mampu mencapai panjang maksimum 18 meter. Ia turut memiliki antara 300 hingga 350 batang gigi halus dengan mulutnya boleh terbuka sehingga 1.5 meter.

Ikan itu sering menjadi buruan kerana memiliki sirip yang boleh dijual dengan harga yang tinggi dan menjadi kegemaran masyarakat Cina.

## Info Spesies hidupan marin yang dilindungi

- **Kumpulan penyu** seperti penyu belimbing, penyu agar, sisik, lipas
  - **Dugong**
  - **Kumpulan yu** antaranya yu paus, gergaji, tukul, sirip hitam, sirip putih, cicak.
  - **Kumpulan paus** termasuk paus biru, sei, fin, bryde, sperm, pygmy sperm dan beaked whale.
  - **Kumpulan ikan lumba-lumba** seperti daripada jenis irrawaddy.
  - **Kumpulan Kimia** antaranya spesies *tridacna* dan *maxima*.
- Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia



Dalam pada itu, Junaidi memberitahu, pihaknya akan menjalankan kajian lanjut terhadap ikan tersebut selepas beberapa organ dalamannya diambil untuk tujuan autopsi manakala tulang-tulangnya akan dijadikan bahan pameran dengan menggali semula tempat ikan itu ditanam.

“Kami akan membuat kajian bagi mencari punca kematiannya dan bagaimana ia boleh sampai ke perairan negara,” ujarnya.

Ikan yu paus itu di tanam pukul 6 petang kelmarin berhampiran pejabat Maritim Malaysia, lebih kurang satu kilometer dari Jeti Kekal Lestari tempat ikan itu di daratkan.